

**LAPORAN KAJIAN KESEDIAAN PELAKSANAAN  
E-PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN  
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI  
SABAH**



## ISI KANDUNGAN

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Mukasurat</b>
I.	Isi Kandungan	i
II.	Perutusan Pengarah INSAN	ii
III.	Pengenalan	1-2
IV.	Kaedah	2-5
V.	Dapatan : 1. Ketersediaan Teknologi 2. Penggunaan Teknologi 3. Keyakinan Diri 4. Penerimaan 5. Latihan	6 6-11 12-14 14-16 16-18 18-20
VI.	Isu-isu Berkaitan Pelaksanaan e-Pembelajaran	21-25
VII.	Kesimpulan: Dapatan dan Implikasi	25-27
VIII.	Rujukan	28
IX.	Lampiran 1: Borang Soal Selidik Kajian Kesediaan Pelaksanaan e-Pembelajaran dalam Kalangan Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah oleh Institut Latihan Sektor Awam Negeri (INSAN), Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (JPAN)	29-32
X.	Lampiran 2: Urus Setia Kajian Kesediaan Pelaksanaan E-Pembelajaran Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah	33
XI.	Penghargaan	34

# *Perutusan*

**PENGARAH  
INSTITUT LATIHAN SEKTOR AWAM NEGERI  
(INSAN)**



Setinggi-tinggi kesyukuran kerana Institut Latihan Sektor Awam Negeri (INSAN), Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah dapat menghasilkan Laporan Kajian Kesediaan Pelaksanaan e-Pembelajaran dalam Kalangan Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

Dokumen ini mencatat dan merumuskan sejauh mana e-pembelajaran dapat membantu pegawai perkhidmatan awam negeri beradaptasi dalam keadaan norma baharu disebabkan pandemik Covid-19. Di samping itu, hasil kajian ini juga boleh mengukur sejauh mana kesediaan pegawai dalam pelaksanaan e-pembelajaran dan juga sejauh mana kemudahan infra khususnya ketembusan internet dapat membantu pelaksanaan e-pembelajaran dalam kalangan pegawai awam di Negeri Sabah. Kajian ini seterusnya akan menjadi bahan rujukan untuk INSAN merancang kursus dan latihan samada secara dalam talian atau bersemuka di masa yang akan datang.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama yang sangat memuaskan dalam kajian ini. Setinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada semua pegawai INSAN terutamanya yang terlibat dalam kajian pelaksanaan e-pembelajaran dari mula hingga akhir sehingga dapat menghasilkan laporan yang komprehensif.

Sekian dan terima kasih.

**(HAJAH FARIDAH BINTI ABDUL AHMAD)**

## **1. PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Institut Latihan Sektor Awam Negeri Sabah (INSAN), Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (JPANS) ditubuhkan untuk melaksanakan program latihan dan pembangunan agar anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah memiliki pengetahuan dan kemahiran melaksanakan program pembangunan Kerajaan serta menyampaikan perkhidmatan dengan cekap, berkesan dan kualiti yang tinggi.

Selaras dengan objektif ini, visi INSAN ialah menjadi peneraju latihan dan pembelajaran dalam Perkhidmatan Awam di Negeri Sabah menjelang 2022, manakala misinya ialah memenuhi keperluan latihan untuk melahirkan pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang kompeten dan berdaya saing bagi merealisasikan agenda pembangunan Kerajaan (Sumber: Pelan Strategik INSAN 2018-2022).

Sehubungan dengan pelaksanaan fungsi latihan, Pandemik COVID-19 yang melanda dunia telah memberi impak besar kepada semua aspek kehidupan manusia termasuk perkhidmatan awam. Dalam konteks visi dan misi INSAN, impak pandemik ini pada pelaksanaan kursus dan latihan amat terkesan. Walaupun buat sementara ini, keadaan pandemik di Malaysia telah terkawal, semua lapisan masyarakat termasuk penjawat awam perlu mengamalkan norma baharu untuk memastikan tidak berlaku gelombang kedua wabak ini.

Norma baharu termasuk penjarakan sosial akan menjadi kekangan utama kepada pelaksanaan kursus dan latihan konvensional yang dilaksanakan bersemuka (*face-to-face*). Ekoran daripada ini, pendekatan alternatif yang melibatkan e-pembelajaran terpaksa dipertimbangkan. E-pembelajaran merupakan pembelajaran melalui Internet, melibatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi untuk membolehkan akses ke sumber pembelajaran dan pengajaran dalam talian (Arkorful & Abaidoo, 2016).

Selain ini, gabungan antara pendekatan tradisional iaitu pembelajaran teradun (blended learning) boleh juga dipertimbangkan. Pembelajaran teradun melibatkan gabungan teknologi, pedagogi dan tugas pembelajaran secara bersemuka dan dalam talian berdasarkan berbagai perspektif teori (Bryan & Volchenkova, 2016).

Kejayaan pelaksanaan sesuatu program adalah bergantung kepada kesediaan peserta. Oleh sebab itu kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana pegawai perkhidmatan awam di Negeri Sabah telah bersedia untuk mengikuti kursus atau latihan secara e-pembelajaran. Laporan ini bertujuan memaklumkan kepada pihak berkepentingan khususnya INSAN berkenaan kesediaan Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah untuk mengikuti kursus atau latihan secara e-pembelajaran.

Implikasi dapatan akan membantu pihak berkepentingan apabila merancang polisi dan melaksanakan kursus atau latihan e-pembelajaran yang sesuai untuk menghadapi cabaran norma baharu. Malah dalam jangka masa yang lebih panjang, e-pembelajaran mungkin boleh dijadikan pendekatan tetap yang baharu setelah isu-isu pelaksanaan diatasi dari masa ke semasa.

## 1.2 KAEDAH

Kajian ini menggunakan model kesediaan e-pembelajaran peserta kursus yang dibahagikan kepada lima dimensi iaitu ketersediaan teknologi (*availability of technology*), penggunaan teknologi (*use of technology*), keyakinan diri (*self-confidence*), penerimaan (*acceptance*) dan latihan (*training*). Model ini merupakan Model Kesediaan e-pembelajaran Pelajar oleh Ünal, Alir, dan Soydal (2014) yang diubahsuai daripada Model Kesediaan e-pembelajaran Pelajar oleh Akaslan and Law (2011).

Kajian ini menggunakan kaedah kaji selidik yang melibatkan borang soal selidik dalam talian dalam bentuk Google Form (Lampiran 1) sebagai instrumen utama. Borang soal selidik ini mengambil kira dimensi-dimensi yang diuraikan

di atas tetapi disusun dalam bentuk yang lebih memudahkan responden. Instrumen ini telah dijalankan ujian rintis yang melibatkan 45 orang responden. Item-item dalam instrumen ini dimuktamadkan selepas ujian rintis berkenaan.

Borang soal selidik dihantar secara dalam talian kepada semua agensi Kerajaan Negeri Sabah pada 17 Mei 2020. Apabila penerimaan respon ditutup pada 26 Jun 2020, sebanyak 2,334 respon telah diperolehi daripada populasi anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah yang bersaiz 20,444. Saiz sampel ini adalah lebih daripada saiz sampel minimum yang diperlukan untuk 99% keyakinan dengan tiga interval keyakinan untuk kaji selidik (Creative Research Systems, 2020). Responden terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dan gred jawatan. Alat analisis yang digunakan merupakan analisis deskriptif yang melibatkan frekuensi dan peratus.

Taburan responden berdasarkan jantina, skim perkhidmatan, gred jawatan dan tahun program latihan adalah seperti dalam Jadual 1.


**Jadual 1: Rumusan ciri demografi responden**

<b>Perkara</b>	<b>Kategori</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
Umur	=< 30 tahun	358	15.3
	31 - 40 tahun	595	25.5
	41 - 50 tahun	679	29.1
	> 50 tahun	702	<b>30.1</b>
	Jumlah	2,334	100.0
Kelayakan Akademik	SPM/STPM	972	<b>41.6</b>
	Diploma	376	16.1
	Ijazah Sarjana Muda	717	30.7
	Master	117	5.0
	PhD	5	0.2
	Lain-lain (sila nyatakan)	147	6.3
	Jumlah	2,334	100.0
Gred Jawatan	Kumpulan Pelaksana II	430	18.4
	Kumpulan Pelaksana I	1322	<b>56.6</b>

	Pengurusan dan Profesional	561	24.0
	Pengurusan Tertinggi	21	0.9
	Jumlah	2,334	100.0
Tempoh Perkhidmatan	= < 10 tahun	752	<b>32.2</b>
	11-20 tahun	518	22.2
	21-30 tahun	629	26.9
	> 30 tahun	435	18.6
	Jumlah	2,334	100.0
Gaji	B40 (< RM4,360)	1323	<b>56.7</b>
	M40 (RM4,360 – RM9,619)	871	37.3
	T20 (> RM9,619)	140	6.0
	Jumlah	2,334	100.0

Daripada Jadual 1 di atas, boleh dirumuskan bahawa kecuali kumpulan berumur 30 atau kurang (15.3%), taburan umur responden adalah agak sekata. Dari segi kelayakan akademik, kumpulan yang paling besar ialah yang berkecualan Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (41.6%). Selaras dengan dapatan ini, Kumpulan Pelaksana I merangkumi lebih daripada separuh (56.6%) dalam kalangan responden. Kumpulan yang tempoh perkhidmatan paling rendah iaitu 10 tahun atau kurang merupakan kumpulan yang paling besar dalam kalangan mereka. Dari segi kumpulan gaji, kumpulan B40 merangkumi lebih daripada separuh (56.7%) daripada mereka.






**Rajah 1: Taburan bilangan responden mengikut daerah**

Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1, bersesuaian dengan taburan penduduk, majoriti daripada responden datang dari Daerah Kota Kinabalu (46.5%), Sandakan (7.8%), Tawau (4.4%), dan Keningau (3.6%), manakala daerah yang responden kurang ialah yang di luar bandar iaitu Banggi (0.1%), Kemabong (0.3%), Menumbok (0.3%), dan Membakut (0.3%).

### 1.3 DAPATAN

Seperti yang dibincangkan dalam bahagian Kaedah di atas, kesediaan pelaksanaan e-pembelajaran dalam kalangan pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah ditinjau dari lima aspek: (1) ketersediaan teknologi, (2) penggunaan teknologi, (3) keyakinan diri, (4) penerimaan, dan (5) latihan. Tema-tema penting yang dijana daripada data kualitatif juga dirumuskan di bahagian ini.


#### 1. KETERSEDIAAN TEKNOLOGI



1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Neutral, 4=Setuju, 5=Sangat Setuju


**Rajah 2: Memiliki peranti teknologi yang sesuai untuk kemudahan mengikuti kursus secara e-pembelajaran**

Ketersediaan teknologi yang paling asas ialah pemilikan peranti teknologi oleh pegawai. Rajah 2 menunjukkan bahawa kurang daripada separuh (46.9%) daripada pegawai memiliki peranti teknologi yang sesuai sebagai kemudahan untuk mengambil bahagian dalam kursus secara e-pembelajaran.



1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Neutral, 4=Setuju, 5=Sangat Setuju


**Rajah 3: Organisasi saya mempunyai kemudahan yang lengkap untuk melaksanakan e-pembelajaran**



1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Neutral, 4=Setuju, 5=Sangat Setuju


**Rajah 4: Kapasiti kelajuan dan capaian Internet di seluruh Sabah perlu dipertingkatkan bagi keberkesanan pelaksanaan e-pembelajaran**

Kesediaan teknologi juga bergantung kepada kesediaan organisasi. Rajah 3 di atas menunjukkan kurang daripada separuh (43.1%) daripada pegawai yang setuju bahawa organisasi mereka mempunyai kemudahan yang lengkap untuk melaksanakan e-pembelajaran termasuk akses kepada capaian Internet yang laju. Dapatan ini diperkukuhkan merujuk kepada Rajah 4 yang menunjukkan 94.5% pegawai yang berpendapat kapasiti kelajuan dan capaian Internet di seluruh Sabah perlu dipertingkatkan bagi keberkesanan pelaksanaan e-pembelajaran di kalangan pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.




1 = tidak pernah, 2 = kadang-kadang, 3 = kerap, 4 = sangat kerap

**Rajah 5: Mempunyai sambungan Internet talian tetap yang laju**



1 = tidak pernah, 2 = kadang-kadang, 3 = kerap, 4 = sangat kerap

**Rajah 6: Mempunyai sambungan Internet mudah alih yang laju**



1 = tidak pernah, 2 = kadang-kadang, 3 = kerap, 4 = sangat kerap

**Rajah 7: Mempunyai capaian kuantiti data yang tidak terhad**

Walaupun pemilikan peranti pegawai dan kemudahan teknologi organisasi kurang memberangsangkan, keupayaan untuk mengikuti kursus/latihan adalah baik dengan adanya tahap akses infrastruktur Internet yang sederhana seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5, 6 dan 7. Rajah 5 menunjukkan bahawa 38% daripada pegawai tidak mempunyai sambungan Internet talian tetap yang laju, tetapi Rajah 6 menunjukkan bahawa 93.6% daripada mereka kadang-kadang atau lebih kerap mempunyai sambungan Internet mudah alih, sementara Rajah 7 menunjukkan 75.5% kadang-kadang atau lebih kerap mempunyai capaian kuantiti data yang tidak terhad.

Dapatan ini mengimplikasikan bahawa umumnya konteks ketersediaan teknologi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah adalah kondusif untuk pengendalian kursus secara e-pembelajaran tidak segerak.

**Jadual 2: Taburan frekuensi dan peratus aras akses internet**

<b>Aras</b>	<b>Huraian</b>	<b>Contoh</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
I	Tiada sambungan Internet langsung	tiada talian tetap dan talian mudah alih	21	0.9
II	Mempunyai sambungan Internet dengan kuantiti data terhad dan tidak segera	sambungan mudah alih 3G berputus-putus	529	<b>22.7</b>
III	Mempunyai sambungan Internet dengan kuantiti data terhad tetapi segera	sambungan mudah alih 3G yang stabil	541	<b>23.2</b>
IV	Mempunyai sambungan Internet dengan kuantiti data tidak terhad tetapi tidak segera	berkongsi komputer/telefon pintar dengan ahli keluarga dengan sambungan Unifi atau mudah alih 4G, terdapat <i>hotspot</i> laju di kawasan tempat tinggal	627	<b>26.9</b>

Aras	Huraian	Contoh	n	%
V	Mempunyai sambungan Internet dengan kuantiti data tidak terhad dan segera	sambungan Unifi atau mudah alih 4G dengan data tidak terhad	616	<b>26.4</b>
		<b>Jumlah</b>	<b>2,334</b>	<b>100</b>

Jadual 2 menunjukkan lima aras akses internet yang ada pada pegawai. Setiap aras akses dihuraikan bersama contoh scenario yang berpadanan. Jadual ini menunjukkan bahawa hanya terdapat kurang daripada 1% (0.9%) daripada pegawai yang tidak mempunyai akses Internet. Lebih kurang 99% (99.1%) yang mempunyai Internet membentuk taburan yang agak sekata dalam empat kategori akses yang ditunjukkan dalam jadual. Perlu ditekankan bahawa lebih daripada sesuku (26.4%) mempunyai sambungan Internet dengan kuantiti data tidak terhad dan segera, yang sesuai untuk e-pembelajaran secara segerak (*synchronous*).

Ketersediaan teknologi dan infrastruktur juga diberi penekanan dalam data kualitatif yang dikumpul:

*“Sesuai dengan keadaan semasa namun perlukan infra yang lengkap dengan kapasiti kelajuan bagi membolehkan ianya dapat direalisasikan.”*

*“Saya setuju dengan pelaksanaan E-Pembelajaran Pegawai Awam Negeri Sabah tetapi sila pastikan kapasiti kelajuan dan capaian Internet di seluruh Daerah Sabah ditingkatkan dahulu. Sila pastikan juga semua Pegawai Awam memiliki peranti yang sesuai supaya pembelajaran berjalan dengan lancar.”*

*“Amat sesuai namun penerapan hendaklah secara berperingkat disebabkan kebanyakan pegawai kerajaan mempunyai kekangan kemudahan (peranti teknologi) untuk membolehkan E-Pembelajaran berjalan dengan lancar dan mencapai objektifnya.”*

*“Boleh dilaksanakan jika semua kawasan/daerah mempunyai capaian internet yang baik dan stabil serta tersedia hardware dan software yang sesuai untuk capaian e-pembelajaran.”*

*“Capaian internet berkelajuan tinggi tidak menyeluruh di semua kawasan di Sabah. Akan terdapat kesukaran untuk membuat capaian internet jika melaksanakan e-pembelajaran secara holistik. Sebaliknya boleh mulakan secara berperingkat dan bersesuaian dengan mengambil kira semua pegawai awam negeri.”*


*“Saya amat menyokong dan bersetuju dengan pelaksanaan ini. Walau bagaimana pun masih lagi terdapat peralatan komputer dan elektronik yang tidak serasi (not compatible) dengan sambungan internet dan data pada kelajuan tinggi.”*

*“Kelajuan internet di daerah-daerah perlu dipertingkatkan agar boleh dicapai oleh seluruh pengguna/pelayar.”*

*“Memandangkan laptop adalah merupakan perkakasan peribadi, maka di cadang, Kerajaan Negeri Sabah dapat memberi low-interest Loan atau subsidi untuk kita mendapatkan laptop yang bersesuaian untuk tugas kita.”*


Implikasi dapatan ini ialah latihan dengan e-pembelajaran secara segerak hanya sesuai dilaksanakan untuk 26.4% pegawai, yang dipercayai berada pada hierarki jawatan yang lebih tinggi. Untuk pegawai-pegawai yang lain, kaedah e-pembelajaran berdasarkan kaedah tidak segerak (*asynchronous*) yang melibatkan tayangan rakaman kursus, penggunaan aplikasi komunikasi sosial media seperti Telegram, WhatsApp, Facebook, Kaizala dan sebagainya boleh dilaksanakan.

## 2. PENGGUNAAN TEKNOLOGI



1 = tidak pernah, 2 = kadang-kadang, 3 = kerap, 4 = sangat kerap

**Rajah 8: Saya menggunakan e-mel untuk menjalankan tugas rasmi**




1 = tidak pernah, 2 = kadang-kadang, 3 = kerap, 4 = sangat kerap

**Rajah 9: Saya menggunakan e-mel untuk berkomunikasi**

Rajah 8 dan Rajah 9 menunjukkan penggunaan lebih daripada separuh daripada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah menggunakan e-mel dengan kerap. 65.5% daripada mereka kerap menggunakan e-mel untuk menjalankan tugas rasmi manakala 55.6% daripada mereka kerap menggunakan e-mel untuk berkomunikasi.






1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Neutral, 4=Setuju, 5=Sangat Setuju

**Rajah 10: Saya sering menggunakan aplikasi dalam talian untuk berurusan berbanding secara fizikal di kaunter pejabat**

Dapatan penggunaan di atas juga disokong oleh dapatan yang ditunjukkan dalam Rajah 10, iaitu lebih daripada separuh (55.4%) daripada pegawai sering menggunakan aplikasi dalam talian untuk berurusan berbanding secara fizikal di kaunter pejabat.




1 = tidak pernah, 2 = kadang-kadang, 3 = kerap, 4 = sangat kerap

**Rajah 11: Pernah menggunakan kemudahan e-pembelajaran bagi menjalani kursus/latihan.**

Walau bagaimanapun, seperti yang ditunjukkan Rajah 11 di atas, 60.8% daripada pegawai tidak pernah menggunakan kemudahan e-pembelajaran bagi menjalani kursus, dan 23.3% kadang-kadang menggunakan kemudahan e-pembelajaran.

Daripada semua dapatan di bahagian ini, kecuali penggunaan kemudahan e-pembelajaran untuk kursus, boleh dirumuskan bahawa penggunaan teknologi di kalangan penjawat awam adalah pada tahap yang lebih tinggi daripada sederhana.


### 3. KEYAKINAN DIRI



1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Neutral, 4=Setuju, 5=Sangat Setuju


**Rajah 12: Umur tidak menghalang diri daripada mempelajari perkara baharu**

Rajah 12 menunjukkan bahawa lebih daripada 91.0% daripada pegawai tidak menganggap umur sebagai penghalang daripada mempelajari perkara baharu.



1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Neutral, 4=Setuju, 5=Sangat Setuju


**Rajah 13: Dapat meningkatkan kompetensi diri dengan e-pembelajaran**



1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Neutral, 4=Setuju, 5=Sangat Setuju

**Rajah 14: Kemajuan kerjaya meningkat apabila menjalani kursus secara e-pembelajaran**

Rajah 13 menunjukkan bahawa 72.2% daripada pegawai yakin bahawa kompetensi diri mereka boleh dipertingkatkan dengan menghadiri kursus secara e-pembelajaran. Persepsi ini disokong dengan dapatan seperti dalam Rajah 14 di mana 74.1% daripada pegawai yakin bahawa kemajuan kerjaya mereka akan meningkat apabila menjalani kursus secara e-pembelajaran. Ini menunjukkan persepsi yang positif untuk pengendalian kursus melalui e-pembelajaran. Kedua-dua dapatan ini meletakkan e-pembelajaran sebagai satu alternatif untuk pembelajaran melalui kursus bersemuka secara tradisional.




1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Neutral, 4=Setuju, 5=Sangat Setuju

**Rajah 15: Boleh melakukannya tidak kira di mana saya berada**

Akhir sekali, kesediaan terhadap e-pembelajaran dapat dilihat di Rajah 15 di mana 70.5% daripada pegawai setuju bahawa sekiranya mereka perlu menjalani kursus secara e-pembelajaran, mereka boleh melakukannya tidak kira di mana mereka berada. Dapatan-dapatan dalam bahagian ini menunjukkan ke arah bahawa pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah mempunyai keyakinan diri dalam e-pembelajaran yang memberangsangkan.


#### 4. PENERIMAAN



1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Neutral, 4=Setuju, 5=Sangat Setuju


#### Rajah 16: Perbelanjaan untuk menjalani kursus secara e-pembelajaran adalah lebih rendah

Rajah 16 menunjukkan bahawa lebih daripada tiga suku (77.5%) daripada pegawai berpersepsi bahawa perbelanjaan yang terlibat dalam menghadiri kursus secara e-pembelajaran adalah lebih rendah daripada kursus secara bersemuka.



1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Neutral, 4=Setuju, 5=Sangat Setuju


**Rajah 17: Bersedia untuk menjalani kursus secara e-Pembelajaran**



1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Neutral, 4=Setuju, 5=Sangat Setuju

**Rajah 18: Bersedia dengan peralihan kaedah kepada e-pembelajaran**

Persepsi positif tentang e-pembelajaran perlu disokong dengan kesediaan e-pembelajaran. Rajah 17 menunjukkan 82.7% daripada pegawai setuju bahawa mereka bersedia untuk menjalani kursus secara e-pembelajaran sekiranya diarahkan untuk bekerja dari rumah. Dapatan ini disokong dengan Rajah 18 yang menunjukkan 80.8% daripada pegawai yang bersedia dengan peralihan kaedah pembelajaran konvensional kepada e-pembelajaran yang dicadangkan oleh INSAN, JPANS. Kedua-dua dapatan ini menunjukkan kesediaan yang baik untuk menghadiri kursus secara e-pembelajaran di kalangan pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.




1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Neutral, 4=Setuju, 5=Sangat Setuju

**Rajah 19: Bersedia dengan norma baharu yang disyorkan Kerajaan selepas Pandemik Covid-19**

Rajah 19 di atas menunjukkan 87.1% daripada pegawai menyatakan bahawa mereka bersedia untuk mengamalkan norma baharu yang disyorkan Kerajaan selepas Pandemik Covid-19. Ini amat penting untuk memastikan kursus secara e-pembelajaran dijalankan dengan cara yang selamat.


## 5. LATIHAN



1 = tidak pernah, 2 = kadang-kadang, 3 = kerap, 4 = sangat kerap

**Rajah 20: Ketua Jabatan menggalakkan saya untuk menghadiri kursus/latihan dalam perkhidmatan secara e-pembelajaran**

Pengalaman dalam e-pembelajaran adalah berkaitan dengan galakan Ketua Jabatan. Rajah 20 menunjukkan bahawa sebanyak 37.2% daripada mereka tidak pernah dan 31.8% kadang-kadang mendapat galakan daripada Ketua Jabatan untuk menghadiri kursus/latihan dalam perkhidmatan secara e-pembelajaran.



1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Neutral, 4=Setuju, 5=Sangat Setuju

**Rajah 21: Memerlukan kursus persediaan untuk membolehkan saya menyertai kursus secara e-pembelajaran**

Walaupun begitu, Rajah 21 menunjukkan bahawa lebih daripada tiga perempat (77.4%) daripada pegawai berpendapat bahawa mereka memerlukan kursus persediaan untuk membolehkan mereka menyertai kursus secara e-pembelajaran.

Kepentingan keperluan latihan persediaan untuk membolehkan pegawai mengambil bahagian dalam e-pembelajaran dengan lebih berkesan juga dititik-beratkan oleh pegawai melalui data kualitatif:

*“Sangat setuju tetapi perlu ada latihan dan kursus sebelum pelaksanaan E-Pembelajaran.”*

*“Namun beberapa faktor yang perlu diambil kira seperti kajian di atas dan kepentingan interaksi secara interaktif, latihan yang efektif dan akses capaian teknologi.”*

*“... pelaksanaan e-pembelajaran perlu dilaksanakan secara berperingkat. Latihan ICT (reskilling/upskilling) perlu dilakukan untuk semua kakitangan kerajaan tanpa mengira Gred bagi memastikan penggunaan dan penguasaan ICT menjadi satu kebiasaan dalam perkhidmatan awam.”*

*“Perlu kesediaan dan latihan intensif selain kemudahan dari segi komputer riba dan capaian internet.”*

*“Persiapan atau latihan asas kakitangan menggunakan kemudahan e-pembelajaran perlu didedahkan dahulu sebelum ia dilaksanakan.”*

*“Boleh tapi pastikan saya diberi latihan secukupnya sebelum di laksanakan.”*

*“Sangat setuju dengan syarat para pegawai dibekalkan dengan kemudahan berikut:”*

*“... Latihan asas webinar dan webkonferen ... Latihan asas cara mengendalikan latihan/kursus/bengkel online supaya pegawai dpt membuat presentation online (sebagai ganti persembahan individu/kumpulan).”*

*“... e-pembelajaran alam maya sesuai untuk pegawai yang sedia mahir, namun perlu adakan kursus kepada semua pegawai terutama pegawai yang kurang mahir sebelum dilaksanakan. penambahbaikan mengikut teknologi semasa.”*

*“Sangat setuju bah kan sudah tiba masanya Pegawai Awam didedahkan dengan kaedah e-pembelajaran sesuai dengan kepesatan dan kemajuan teknologi yang sangat membangun dengan cepatnya.”*



## ISI-ISU BERKAITAN PELAKSANAAN E-PEMBELAJARAN

Selain daripada dapatan-dapatan di atas, data kualitatif yang dikumpul telah menjana dapatan berikut yang perlu diberi perhatian dalam pelaksanaan kursus untuk pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah secara e-pembelajaran:

### 1. Kekuatan e-pembelajaran sebagai kaedah Latihan

Data kualitatif menunjukkan persepsi yang positif dalam transisi daripada kaedah konvensional kepada kaedah e-pembelajaran. Kebanyakan kekuatan menumpu pada keselamatan, penggunaan teknologi terkini, ekonomi, dan fleksibiliti. Antara petikan daripada data kualitatif adalah seperti dalam sub-tajuk berikut:

#### (a) Keselamatan

*“Sesuai dengan usaha kerajaan membudayakan norma baru untuk mengurangkan contact secara langsung dengan org lain.”*

*“E-Pembelajaran adalah amat sesuai sekali untuk menghalang penyebaran wabak covid-19 pada masa kini.”*

*“... e-pembelajaran juga amat perlu dan sesuai ekoran daripada keadaan semasa di mana pegawai akan lebih dapat mengutamakan keselamatan dan terhindar dari wabak penyakit berjangkitan, selain itu, memudahkan pegawai untuk menambah Ilmu dan pengetahuan walau di mana pun berada sekiranya mempunyai capaian internet yang baik.”*

#### (b) Penggunaan teknologi terkini

*“Perlu direalisasikan sesuai dengan peredaran zaman teknologi.”*

*“Sesuai dengan era pendigitalan dalam kerajaan sekarang. Permulaan dan persediaan ke arah teknologi dan IR4.0.”*

*“Suatu kaedah yang sangat sesuai dilaksanakan demi menyahut cabaran industrial revolution 4.0 dengan pengenalan teknologi 5G yang terkini. Sangat mudah dan boleh dilakukan di mana sahaja dan pada bila-bila masa.”*

*“E-Pembelajaran Pegawai amatlah berguna dalam mengadaptasikan Sabah Digital Governance pada masa kini.*

*“Amat sesuai dilaksanakan dengan kemajuan global. Kemudahan secara online akan menjimatkan masa, kos dan menghadkan pergerakan. saya sokong kaedah ini dapat dipraktikan secara menyeluruh kepada semua agensi.”*

### **(c) Ekonomi**

*“Pelaksanaan E-Pembelajaran Pegawai Awam Negeri Sabah adalah amat sesuai dan terbaik, penjimatan kos perbelanjaan penjawat awam itu sendiri yang hadir kursus secara fizikal dan pihak pelaksana kursus berkenaan.”*

*“Ianya sangat sesuai untuk semua kakitangan awam seluruh Malaysia kerana dengan cara ini dapat mengurangkan kos perkhidmatan, dapat menjimatkan masa kursus”*

*“Bagi pendapat saya pelaksanaan e-Pembelajaran amat sesuai bagi Pegawai Awam selain penjimatan kos yang paling Utama, ia juga dapat memberi pengalaman baru bagi setiap kakitangan kerajaan.”*

### **(d) Fleksibiliti**

*“Ianya perlu dilaksanakan segera dan topik<sup>2</sup> yang ditawarkan juga boleh diambil selepas waktu bekerja. Topik<sup>2</sup> e-Pembelajaran juga sesuai digunakan untuk menambah ilmu pengetahuan pegawai yang mempunyai masa terhad untuk mengikuti kursus secara fizikal.”*

*“Bersetuju kerana boleh belajar dari rumah mengikut kesesuaian masa.”*

*“1. Memudahkan sesi pembelajaran, mengikut kesesuaian masa sendiri.*

*2. Pilihan kursus yang pelbagai dan berterusan.*

*3. Fleksibel - jangkauan topik tidak terhad.”*

## **2. Jenis kursus yang kurang sesuai untuk e-pembelajaran**

Walaupun pada umumnya pegawai-pegawai bersedia mengikuti kursus melalui e-pembelajaran, sama ada secara segerak atau tidak segerak, bukan semua kursus dianggap sesuai untuk dilaksanakan dengan cara ini, khasnya kursus-kursus yang bersifat *hands-on*, amali, atau praktikal. Ini ditekankan oleh pegawai-pegawai:

*“Secara keseluruhan e-pembelajaran ada sesuatu yang baik untuk pemberian secara teori namun tidak secara hands on.”*

*“Ini adalah satu pendekatan pembelajaran yg mempunyai banyak kelebihan berbanding sistem pembelajaran dan latihan yang konvensional. Bagaimanapun bagi pembelajaran dan latihan yg memerlukan amali atau hands on, pastinya keberkesanan yang ingin dicapai adalah satu cabaran yang besar.*

*“... bagaimanapun bagi kursus/latihan yang memerlukan "hands on" kursus/latihan secara praktikal adalah masih diperlukan.”*

*“E-Pembelajaran tidak sesuai untuk kerja-kerja teknikal.”*

*“E-Pembelajaran adalah salah kaedah latihan yang baik, cuma kurang sesuai bagi pembelajaran / latihan yang melibatkan kerja teknikal di lapangan.”*

*“Sesuai dilaksanakan untuk subjek tertentu pada masa kursus secara interaksi fizikal tidak digalakkan untuk dilaksanakan.”*

*“Memang sangat sesuai pelaksanaan E-Pembelajaran dan dijangka dapat mengurangkan kesesakan perjalanan dari tempat tinggal ke tempat kerja.*

*Menjimatkan masa, tenaga dan wang kerana tidak perlu datang ke tempat kursus; dan juga dapat mengurangkan ruang dijangkiti penyakit.”*

*“saya berpendapat pelaksanaan E-pembelajaran pegawai awam di negeri Sabah tersangatlah baik dan sesuai dilaksanakan sekarang oleh kerana ianya mengurangkan masalah sangat ekonomik kerana tidak memerlukan budget yang besar.”*

### **3. Pertimbangan mengikut kumpulan sasaran**

Sebilangan besar pegawai yang memberi respon kepada item terbuka dalam borang soal-selidik menekankan keperluan mempertimbangkan pengendalian kursus melalui e-pembelajaran berdasarkan kumpulan sasaran, khasnya berdasarkan kumpulan umur yang mempunyai kaitan dengan literasi dan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi:

*“Setuju dilaksanakan tergantung jenis kursus yang hendak dilaksanakan sesuai dengan tahap kemampuan minda, umur, daya ingatan dan gred pegawai terlibat.”*

*“Sesuai bagi pekerja baru dan masih muda tetapi mungkin terdapat kekangan bagi kakitangan lama dan berumur.”*

*“E-pembelajaran lebih sesuai kepada generasi muda dan agak sukar untuk diterima untuk golongan veteran. Pelaksanaan perlu dinaik taraf untuk memudahkan golongan veteran menggunakan E-Pembelajaran.”*

*“Saya bersetuju dan sesuai dengan keadaan sekarang. Cuma ianya sangat susah untuk pekerja yang berusia kerana kebanyakannya tidak celik IT.”*

*“sesuai untuk golongan muda ataupun pegawai yang baru yang mempunyai pengetahuan tentang komputer dan tidak sesuai untuk pegawai senior memandangkan mereka tidak didedahkan dengan pembelajaran secara atas talian kerana kurang kemahiran dalam komputer dan telefon mudah alih.”*

“Bagi peringkat umur 20an hingga pertengahan 40an sy berpendapat perkara ini sesuai/masih boleh dilaksanakan. Bagi kakitangan awal 50 dan ke atas agak sukar bergantung kepada kesediaan kakitangan tersebut. Bagi kakitangan yg berumur 50 ke atas, tidak lagi berminat kepada bidang IT dan sukar untuk menerima perubahan ke era teknologi. Bagi peringkat 50an perlu diberi lebih pendedahan jika dilaksanakan.”

## KESIMPULAN

Daripada huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa dapatan bersama implikasi kajian keberkesanan pelaksanaan e-pembelajaran dalam kalangan pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah adalah seperti Jadual 3 berikut:

**Jadual 3: Dapatan dan Implikasi**

Bil	Dapatan	Implikasi
1)	<p>Ketersediaan teknologi di kalangan pegawai Perkhidmatan Awam adalah tidak pada keadaan yang optimum.</p> <p>Sebilangan kecil pegawai Perkhidmatan Awam tidak mempunyai akses Internet (Aras I).</p> <p>Aras akses Internet untuk yang lain bertaburan dengan sekata pada Aras II, III, IV dan V.</p>	<p>Berbagai mod dan kaedah e-pembelajaran harus ditawarkan untuk memenuhi keperluan aras akses Internet yang pelbagai. Contoh: Mod segerak (<i>synchronous</i>) melibatkan sesi <i>live</i> untuk mereka yang mempunyai aras akses tinggi, dan mod tidak segerak (<i>asynchronous</i>) yang melibatkan <i>Learning Management System</i> atau aplikasi sosial media seperti Telegram, Facebook, Kaizala dan WhatsApp untuk mereka yang mempunyai aras akses yang rendah.</p>

Bil	Dapatan	Implikasi
	Infrastruktur Internet tidak berada pada tahap yang sesuai untuk menyokong e-pembelajaran.	Pihak INSAN boleh berkolaborasi dengan agensi kerajaan lain atau agensi swasta untuk mengatasi isu kekurangan infrastruktur Internet.
2)	Penggunaan teknologi di kalangan pegawai Perkhidmatan Awam adalah pada tahap yang sederhana tinggi.	Untuk menjalankan e-pembelajaran dengan berkesan, kemahiran penggunaan teknologi di kalangan pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah perlu dipertingkatkan melalui kursus-kursus <i>up-skilling</i> yang berkaitan dengan penggunaan teknologi untuk tujuan pembelajaran.
3)	Pegawai Perkhidmatan Awam mempunyai keyakinan diri yang memberangsangkan dalam e-pembelajaran.	Keyakinan diri yang memberangsangkan ini harus digunakan oleh INSAN sebagai pendorong untuk pengendalian kursus melalui e-pembelajaran.
4)	Pegawai Perkhidmatan Awam mempunyai penerimaan yang tinggi dalam penyertaan kursus latihan melalui e-pembelajaran.	Penerimaan e-pembelajaran yang tinggi harus digunakan oleh INSAN sebagai pendorong untuk pengendalian kursus melalui e-pembelajaran.
5)	Kursus persediaan bagi menyediakan pegawai Perkhidmatan Awam untuk e-pembelajaran perlu dijalankan sebelum kursus dilaksanakan melalui e-pembelajaran.	Kursus penggunaan platform e-pembelajaran secara segerak seperti Google Meet, MS Teams, Webex, dan Zoom perlu diberi kepada pengendali kursus dan pegawai Perkhidmatan Awam yang merupakan peserta kursus.  Kursus lanjutan untuk penggunaan aplikasi sosial media seperti Telegram dan Kaizala juga berguna untuk membantu dalam mengikuti kursus secara tidak segerak.
6)	Kekuatan pengendalian kursus melalui e-	INSAN harus mengeksploitasikan kekuatan ini untuk menggalakkan pegawai Perkhidmatan Awam untuk

Bil	Dapatan	Implikasi
	<p>pembelajaran yang dipersepsikan oleh pegawai ialah keselamatan, penggunaan teknologi terkini, ekonomi, dan fleksibiliti.</p>	<p>pengendalian dan mengikuti kursus melalui e-pembelajaran.</p>
7)	<p>Kursus yang bersifat <i>hands-on</i>, amali atau praktikal tidak sesuai dikendalikan secara e-pembelajaran.</p>	<p>INSAN boleh mengekalkan pengendalian kursus bersifat <i>hands-on</i>, amali atau praktikal secara bersemuka.</p> <p>Sebahagian daripada kursus mungkin dilaksanakan secara pembelajaran beradun, iaitu bahagian teori dilaksanakan secara e-pembelajaran sementara bahagian <i>hands-on</i>, amali atau praktikal dilaksanakan secara bersemuka.</p>
8)	<p>Pegawai Perkhidmatan Awam generasi muda lebih cenderung dan biasa dengan kaedah pengendalian kursus secara e-pembelajaran berbanding dengan mereka yang lebih senior.</p>	<p>Kursus yang melibatkan pegawai senior yang kurang berliterasi dan kemahiran boleh diteruskan dengan kaedah bersemuka yang tradisional.</p> <p>Untuk meningkatkan ketersediaan, kursus persediaan boleh dikendalikan untuk meningkatkan pengetahuan, sikap dan kemahiran pegawai senior yang kurang selesa dengan penggunaan teknologi untuk pembelajaran.</p> <p>INSAN boleh juga mengendalikan kursus atau latihan secara pembelajaran teradun, dengan menggabungkan pendekatan bersemuka tradisional dengan e-pembelajaran.</p>

## RUJUKAN

Akaslan, D., Law, E.L. (2011). Measuring Student E-learning Readiness: A Case about the Subject of Electricity in Higher Education Institutions in Turkey. In *Proceedings of the 10th International Conference on Advances in Web Based Learning (ICWL) Hong Kong*, pp. 209--218.

Arkorful, V. & Abaidoo, N. (2014). The role of e-learning, the advantages and disadvantages of its adoption in higher education. *International Journal of Education and Research*, 2(12), 397-410.

Bryan, A. & Volchenkova, K. N. (2016). Blended learning: Definition, models, implications for higher education. *Educational Sciences*, 8 (2), 24-30.

Creative Research Systems. (2020). *Sample Size Calculator*. Diakses 10 Mei 2020 daripada <https://www.surveysystem.com/sscalc.htm#one>.

Ünal Y., Alır G., & Soydal. (2014) Students Readiness for E-Learning: An Assessment on Hacettepe University Department of Information Management. In: Gathegi J.N., Tonta Y., Kurbanoglu S., Al U., Taşkın Z. (eds) Challenges of Information Management Beyond the Cloud. IMCW 2013. *Communications in Computer and Information Science*, 423. Springer, Berlin, Heidelberg.



**INSTITUT LATIHAN SEKTOR AWAM NEGERI (INSAN),  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH (JPANS)  
TINGKAT 8, BLOK A, WISMA MUIS,  
BEG BERKUNCI 97,  
88999 KOTA KINABALU.**

**BORANG SOAL SELIDIK KAJIAN KESEDIAAN PELAKSANAAN E-PEMBELAJARAN  
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

Borang Soal Selidik ini bertujuan untuk mengukur tahap kesediaan pelaksanaan e-pembelajaran bagi pegawai perkhidmatan awam Negeri Sabah.

Data yang dikumpul akan digunakan untuk penilaian ini sahaja. Data ini akan diurus secara berkelompok dan sulit. Maklum balas yang jujur daripada Ybhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan amat diharapkan.

Sekiranya YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan mempunyai pertanyaan berkenaan dengan soal selidik ini, YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Puan Cleopatra @ Clare Asing di Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan melalui nombor telefon 088-315185.

=====  
=====

**BAHAGIAN A : MAKLUMAT DEMOGRAFI**

1. UMUR

=<30 Tahun       31 – 40 Tahun       40 – 50 Tahun       > 50 Tahun

2. Tahap Akademik

SPM/STPM       Diploma       Ijazah Sarjana Muda       Master  
 PHD       Lain-lain (sila nyatakan) \_\_\_\_\_

3. Gred Jawatan

Pengurusan Tertinggi (Gred JUSA C dan ke atas)  
 Pengurusan dan Profesional (Gred 41 – 54)  
 Kumpulan Pelaksana I (Gred 19 – 40)  
 Kumpulan Pelaksana II (Gred 1 – 18)

4. Kementerian/Jabatan/Agensi

Kementerian       Jabatan Ketua Menteri       Jabatan       Pejabat Daerah  
 Pihak Berkuasa Tempatan       Badan Berkanun Negeri

5. Tempoh Perkhidmatan

= < 10 tahun       11-20 tahun       21-30 tahun       > 30 tahun

6. Kedudukan sekarang pada waktu pejabat

Di tempat tinggal (disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan)  
 Di tempat bertugas

7. Daerah Bertugas

---

8. Daerah Tempat Tinggal

---

9. Kalsifikasi Pendapatan Keluarga

- B40 (< Rm 4,360)  
 M40 (RM4,360 – RM 9,619)  
 T20 (> RM 9,619)

**BAHAGIAN B : KONTEKS KESEDIAAN PELAKSANAAN E-PEMBELAJARAN  
DALAM KALANGAN PEGAWAI AWAM NEGERI SABAH**

Pernyataan di bawah merujuk kepada persepsi terhadap kesediaan pelaksanaan e-pembelajaran. Sila tandakan respons yang paling tepat mengikut skala untuk menerangkan pernyataan and seperti yang berikut :

Tidak Pernah	Kadang-kadang	Kerap	Sangat Kerap			
1	2	3	4			
1. Ketua Jabatan menggalakkan saya untuk menghadiri kursus/latihan dalam perkhidmatan secara e-pembelajaran.			1	2	3	4
2. Saya pernah menggunakan kemudahan e-pembelajaran bagi menjalani kursus/latihan.			1	2	3	4
3. Saya menggunakan e-mel untuk menjalankan tugas rasmi.			1	2	3	4
4. Saya menggunakan e-mel untuk berkomunikasi.			1	2	3	4
5. saya mempunyai sambungan Internet mudah alih yang laju (Contoh 4G).			1	2	3	4
6. Saya mempunyai sambungan Internet talian tetap yang laju (Contoh talian Unifi).			1	2	3	4
7. Saya mempunyai capaian kuantiti data yang tidak terhad (contoh talian unifi unlimited, mobile 4G data unlimited).			1	2	3	4

**Untuk item berikut,**

'Kuantiti data' merujuk kepada banyaknya data Internet yang boleh dicapai. Contoh: yang selalu boleh menonton wayang (movie) melalui telefon pintar atau komputer mempunyai kuantiti data tidak terhad. 'Internet segera' merujuk kepada Internet yang boleh dicapai bila-bila masa. Contoh: yang perlu berkongsi telefon pintar atau komputer dengan ahli keluarga atau rakan pejabat mempunyai Internet yang tidak segera.

8. Kategori capaian Internet saya adalah seperti yang berikut: (pilih satu sahaja)

- Tiada sambungan Internet langsung.  
 Mempunyai sambungan Internet dengan kuantiti data terhad dan tidak segera. (contoh: sambungan mobile 3G yang berputus-putus)  
 Mempunyai sambungan Internet dengan kuantiti data terhad tetapi segera. (contoh: sambungan mobile 3G yang stabil)  
 Mempunyai sambungan Internet dengan kuantiti data tidak terhad tetapi tidak segera. (contoh: berkongsi komputer/telefon pintar dengan ahli keluarga dengan sambungan Unifi atau mobile 4G, terdapat hotspot laju di kawasan tempat tinggal)  
 Terdapat hotspot laju di kawasan tempat tinggal.

- Mempunyai sambungan Internet dengan kuantiti data tidak terhad dan segera. (contoh: sambungan Unifi atau mobile 4G dengan unlimited data)

### BAHAGIAN C: PERSEPSI TERHADAP KESEDIAAN PERLAKSANAAN SELF LEARNING ATAU PEMBELAJARAN KENDIRI MELALUI E-PEMBELAJARAN

Pernyataan di bawah merujuk kepada persepsi terhadap kesediaan pelaksanaan Self Learning atau Pembelajaran Kendiri. Sila tandakan respons yang paling tepat mengikut skala di bawah untuk menerangkan pernyataan anda.

- 1 Sangat Tidak Setuju  
2 Tidak Setuju  
3 Neutral  
4 Setuju  
5 Sangat Setuju

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju				
1	2	3	4	5				
1. Saya yakin saya dapat meningkatkan kompetensi diri dengan menghadiri kursus/latihan secara e- Pembelajaran .				1	2	3	4	5
2. Saya yakin kemajuan kerjaya saya akan semakin meningkat apabila menjalani kursus/latihan secara e-Pembelajaran.				1	2	3	4	5
3. Perbelanjaan untuk menjalani kursus/latihan secara e-Pembelajaran adalah lebih rendah berbanding menghadiri kursus secara fizikal.				1	2	3	4	5
4. Sekiranya saya perlu menjalani kursus/latihan secara e-Pembelajaran, saya boleh melakukannya tidak kira di mana saya berada.				1	2	3	4	5
5. Umur tidak menghalang saya daripada mempelajari perkara baharu.				1	2	3	4	5
6. Sekiranya saya diarahkan untuk bekerja dari rumah, saya bersedia untuk menjalani kursus/latihan secara e-Pembelajaran.				1	2	3	4	5
7. Saya bersedia dengan peralihan kaedah pembelajaran konvensional kepada ePembelajaran yang akan dilaksanakan oleh INSAN, JPANS.				1	2	3	4	5
8. Saya bersedia dengan Norma Baharu yang disyorkan Kerajaan selepas Pandemik Covid-19.				1	2	3	4	5
9. Saya memerlukan kursus persediaan untuk membolehkan saya menyertai kursus/latihan secara e-Pembelajaran.				1	2	3	4	5

### BAHAGIAN D: PERSEPSI TERHADAP KESEDIAAN PERLAKSANAAN E-PEMBELAJARAN DARI SEGI KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

Pernyataan di bawah merujuk kepada persepsi terhadap kesediaan pelaksanaan e-Pembelajaran dari segi kemudahan infrastruktur. Sila tandakan respons yang paling tepat mengikut skala di bawah untuk menerangkan pernyataan anda.

- 1 Sangat Tidak Setuju  
2 Tidak Setuju  
3 Neutral  
4 Setuju  
5 Sangat Setuju

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju				
1	2	3	4	5				
1. Saya memiliki peranti teknologi yang sesuai untuk kemudahan menjalani kursus/latihan secara e-Pembelajaran.				1	2	3	4	5
2. Organisasi saya mempunyai kemudahan yang lengkap untuk melaksanakan ePembelajaran termasuk akses kepada capaian Internet yang laju.				1	2	3	4	5



**URUS SETIA KAJIAN KESEDIAAN PELAKSANAAN E-PEMBELAJARAN  
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH**

Encik Serbini bin Jadin (Mantan Timbalan Ketua Pengarah), Penasihat Program  
Puan Hajah Faridah Binti Abdul Ahmad (Mantan Pengarah), Penasihat Program  
Datin Cleopatra @ Clare Asing, Pengarah Program  
Puan Hamizah Binti Ajmain, Penyelaras Program  
Puan Rosneh Goloi, Setiausaha Program  
Encik Eugene Spencer Albert Samat Lakai, Pegawai Teknikal

**Ahli – ahli :**

Encik John Fung, Timbalan Pengarah  
Puan Moenes Jendili, Ketua Penolong Pengarah  
Puan Kamsiah Ibrahim, Ketua Penolong Pengarah  
Puan Ilies William Nafsiah Liam, Penolong Pengarah Kanan  
Encik Banius Jakul, Penolong Pengarah  
Puan Ila Fadilah Harun, Penolong Pengarah  
Puan Jeannelyn Cristy Kurin, Penolong Pengarah  
Puan Annis Syazwani Abu Bakar Nusu, Pegawai Latihan  
Puan Fauziah binti Hamid, Penolong Pengarah  
Puan Noorainin Sinteh, Penolong Akauntan Kanan  
Puan Roslindah Tuah, Penolong Pegawai Tadbir Kanan  
Puan Zita Munseh, Penolong Pegawai Perpustakaan  
Encik Maurus Goliong, Penolong Pegawai Tadbir  
Encik Shukrie bin Adani, Penolong Pegawai Tadbir  
Puan Nurfazelatul Jukri, Penolong Pegawai Latihan  
Puan Caroline Chong, Pembantu Tadbir Kanan  
Puan Fetty Sharlila binti Ismail, Pembantu Setiausaha Pejabat  
Encik Rozer Ollot @ Roger, Pembantu Tadbir  
Puan Doris George Lomongkok, Pembantu Tadbir  
Puan Ignes Anjam, Pembantu Tadbir  
Puan Nur Ameera Jaidi, Pembantu Tadbir  
Encik Ahmad Hizami bin Abinan, Pembantu Tadbir  
Encik Mohd Syair Jayhan Moksan, Pembantu Tadbir  
Encik Jumat bin Jumain, Pembantu Am  
Encik Shinwell Joilis, Pembantu Am  
Encik Garino Panchido, Pembantu Am  
Puan Zailin Failiza binti Mohd Noor, Pembantu Am  
Encik Alvin Peter Lajin, Pegawai Skim Sangkutan dan Latihan 2020

# *Sekalung Penghargaan*

Institut Latihan Sektor Awam Negeri (INSAN), Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (JPAN) merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Profesor Dr. Vincent Pang, Dekan Pusat Ilmu dan Penataran Bahasa, Universiti Malaysia Sabah dan semua pihak yang telah terlibat dari peringkat awal hingga akhir penyediaan Laporan Kajian ini. Diharap laporan ini dapat membantu pihak-pihak berkepentingan dalam merancang pelaksanaan e-Pembelajaran dalam kalangan Pegawai Awam Negeri Sabah. Pihak urus setia ingin memohon maaf andai terdapat kekurangan daripada penghasilan kajian tersebut memandangkan ianya dilaksanakan ketika negara sedang menghadapi situasi pandemik Covid-19.